

04 AUG 1997

Lesotho-Pelaburan (Dengan gambar)

MISI KE LESOTHO UNTUK JALIN HUBUNGAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Lesotho Prof Pakalitha Mosisili, yang mengakhiri lawatan rasmi empat hari ke Malaysia hari ini, berkata beberapa syarikat dan agensi Malaysia telah menunjukkan minat mengadakan projek usahasama di sana.

Untuk tujuan itu, satu rombongan dari Felcra, antara lain, dijadual melawat Lesotho dalam masa dua minggu lagi, katanya kepada pemberita di sini.

Mosisili berkata rombongan Felcra akan meninjau projek-projek usahasama dalam bidang pengurusan tanah, pertanian dan perikanan.

Beliau berkata pengeluar kereta nasional kedua, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) juga dijemput untuk meninjau kemungkinan menubuhkan kilang pengeluaran atau pemasangan kereta di Lesotho.

Lesotho, bekas negara naungan Britain, mempunyai kadar celik huruf kedua tertinggi di Afrika dengan 75 peratus daripada penduduknya seramai dua juta orang mengenal huruf, katanya.

Mosisili, yang mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas, berkata Dr Mahathir telah menawar untuk membantu Lesotho dalam bidang pembangunan dan latihan sumber manusia di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia."

Beliau yakin bahawa lawatannya akan membuka jalan bagi perkongsian pintar antara Lesotho dan masyarakat perniagaan Malaysia.

Mosisili dan lima menteri dalam rombongannya juga mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan melawat Taman Teknologi Malaysia, Putrajaya, Universiti Putra Malaysia di Serdang dan kilang Perodua di Serendah.

Mosisili sebelum itu menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 selama tiga hari minggu lepas.

Pada persidangan berita itu, Menteri Luar Lesotho Kelebone A. Maope mengumumkan perlantikan ahli ekonomi Malaysia, Hisham Datuk Zainal sebagai penasihat ekonomi kepada kerajaan Lesotho.

"Peranannya adalah untuk membantu dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi menerusi perancangan dan pelaksanaan program penswastaan," katanya.

Hisham memberitahu pemberita bahawa beliau akan berusaha ke arah mewujudkan peluang-peluang bagi pelaburan asing dan membantu meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Lesotho, kedua-duanya anggota Komanwel. -- BERNAMA

RV AKD